



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22/5/2011

## Tun Dr. Mahathir semakin pulih selepas dirawat



MAHATHIR MOHAMAD

KUALA LUMPUR 21 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah menunjukkan respons positif terhadap kesihatannya selepas dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) Rabu lalu akibat jangkitan pada dada.

Pegawai Khasnya, Sufi Yusoff berkata, perkembangan menggalakkan itu itu dapat dilihat setelah Dr. Mahathir diberi rawatan antibiotik secara intravena serta fisioterapi di bahagian dada

oleh doktor.

Katanya, Dr. Mahathir turut menjalani senaman rutin dengan berjalan kaki sekitar wad sejak semalam.

"Para doktor begitu gembira kerana beliau memberi respons baik terhadap rawatan yang diberikan dan selera makannya juga semakin baik," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, buat masa ini Dr. Mahathir akan terus diberi ra-

watan di institut itu bagi membolehkan doktor memantau perkembangan beliau.

"Doktor turut menasihati agar Dr. Mahathir tidak menerima kunjungan pelawat kecuali keluarga terdekat.

"Bagaimanapun, beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat yang tidak putus-putus mendoakan kesihatan bekas Perdana Menteri itu," katanya.

Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN kerana jangkitan pada dada setelah mengalami batuk dan demam 18 Mei lalu.

Pada 2 Oktober lalu, negarawan berusia 86 tahun itu pernah dimasukkan ke Hospital Epworth, Melbourne, Australia akibat jangkitan yang sama sewaktu berada di sana bagi menyampaikan ucapan pada seminar pembangunan manusia anjuran Kelab UMNO Melbourne.